

# Nn GLUCOSAMINE CAPSULE

Glucosamine sulphate (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nn Glucosamine
2. Bagaimana Nn Glucosamine berfungsi
3. Sebelum mengambil Nn Glucosamine
4. Cara menggunakan Nn Glucosamine
5. Semasa menggunakan Nn Glucosamine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nn Glucosamine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Nn Glucosamine

Ia digunakan sebagai rawatan tambahan untuk osteoarthritis (kemerostan tulang sendi rawan).

## Bagaimana Nn Glucosamine berfungsi

Glucosamine berkesan untuk semua jenis penyakit kemerostan tulang dan sendi, jangka pendek atau panjang, dengan menghilangkan atau mengurangkan sakit sendi, memperbaiki fungsi sendi dan menghindar daripada proses kemerostan. Ia juga mempunyai aktiviti pelicir dengan meningkatkan pengeluaran bendalir pelicin.

## Sebelum mengambil Nn Glucosamine

### - Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap glucosamine atau kerang.

### - Sebelum mula mengambil

Glucosamine adalah rawatan punca penyakit dan kesan hanya dirasai selepas seminggu rawatan. Oleh itu, ubat anti keradangan perlu diambil beberapa hari pertama rawatan untuk sakit yang teruk.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat untuk penyakit kencing manis (*metformin*, *tolbutamide*, *rosiglitazone*). Glucosamine adalah selamat jika penyakit kencing manis terkawal dengan satu atau dua ubat, atau dengan pemakanan sahaja. Jika dengan insulin atau paras HbA1c tinggi, paras gula dalam darah dimonitor dengan teliti. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Nn Glucosamine

### - Berapa banyak harus diambil

Simptom ringan hingga sederhana –  
1 kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya 6 minggu. Penyakit serius –

1 kapsul tiga kali sehari untuk sekurang-kurangnya 8 minggu. Rawatan susulan diikuti dengan 1 kapsul dua kali sehari untuk 3 – 4 bulan (seperti arahan doktor).

### - Bila perlu diambil

Ubat ini diambil 15 minit sebelum makan.

### - Berapa lama perlu diambil

Rawatan perlu diulangi setiap selang 6 bulan atau kurang mengikut preskripsi ubat.

### - Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantikan dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan Nn Glucosamine

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, Elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nn Glucosamine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Bengkak, denyutan jantung meningkat, mengantuk, sakit kepala, kesukaran tidur, loya, muntah, cirit-birit, sakit gastrik, ketidak hadaman, sembelit, pedih uluhati, tiada selera makan, merah kulit dan gatal kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Nn Glucosamine

### - Penyimpanan

Bekas ditutup ketat. Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Kapsul sayuran legap warna ivori.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *glucosamine sulphate*.  
- Bahan tidak aktif: *talc*, *cornstarch*, *magnesium stearate* dan *aerosil*.

### - Nombor MAL:

MAL07010937X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

10/08/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)080817/00197